

Coldmax Suspension

Paracetamol / Pseudoephedrine HCl / Chlorpheniramine Maleate (250mg / 15mg / 1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Coldmax Suspension
2. Bagaimana Coldmax Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Coldmax Suspension
4. Cara mengambil Coldmax Suspension
5. Semasa mengambil Coldmax Suspension
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Coldmax Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Coldmax Suspension

Coldmax Suspension melegakan sesesema dan gejala sesesema termasuk demam dan kesakitan, sakit kepala, sakit badan, kesesakan hidung dan hidung berair. Ia juga melegakan gejala alahan seperti bersin, rasa gatal dan mata berair.

Bagaimana Coldmax Suspension berfungsi

Coldmax Suspension mengandungi 3 ramuan aktif. Paracetamol membantu melalikan kesakitan dan meredakan demam. Ia diserap dengan cepat dan sempurna selepas administrasi dan menunjukkan kesannya dalam masa 30 minit ke 2 jam. Kesan ini akan kekal selama 3 hingga 4 jam. Pseudoephedrine HCl bekerja merangsang reseptor α -adrenergik pada mukosa saluran pernafasan dan menyebabkan pengecutan saluran darah di hidung bagi mengurangkan masalah hidung tersumbat. Chlorpheniramine Maleate dapat bertindak untuk melegakan keadaan alahan yang ditimbulkan oleh kesan tengangan histamin.

Sebelum mengambil Coldmax Suspension

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alah (hipersensitiviti) kepada Paracetamol, Pseudoephedrine, Chlorpheniramine atau bahan-bahan lain dalam produk ini. Produk ini tidak sesuai untuk pesakit tekanan darah tinggi yang serius. Jangan beri produk ini kepada kanak-kanak berumur bawah 2 tahun.

Sebelum mula mengambil

Perhatian dan nasihat doktor atau ahli farmasi perlu diambil semasa beri kepada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun. Memberi dengan hati-hati kepada pesakit yang mempunyai penyakit hati, hipertensi, penyakit jantung, penyakit tiroid, diabetes, glaukoma, asma, hiperplasia prostatik, gangguan pundi, ulser peptik stenotik, obstruksi pyloroduodenal dan pundi kencing tersumbat.

Jika mengambil ubat- ubatan lain

Coldmax Suspension dan ubat-ubatan yang boleh mengganggu antara satu sama lain adalah seperti berikut:

- Antibiotik (cth. Kloramfenikol)
- Agen antigumpal (cth. Warfarin)
- Ubat prokinetik (cth. Metoklopramide)

- Ubat gastroparesis (cth. Petidin)
- Enzim pendorong (cth. Fenitoin)
- Aluminium Hidroksida dan Kaolin
- Ubat penghambat saraf adrenergik (cth. Bretylium)
- Barbiturat, ansiolitik, bahan antikemurungan trisiklik (TCA), ubat penenang atau ubat depresan CNS yang lain
- Ubat antimuskarinik yang lain

Cara mengambil Coldmax Suspension

Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak melebihi 12 tahun:
Ambil 15ml 3 hingga 4 kali sehari.
(Dos harian maksimum tidak melebihi 60ml)
Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:
Beri 10ml 3 hingga 4 kali sehari.
(Dos harian maksimum tidak melebihi 40ml)
Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:
Beri 5ml 3 hingga 4 kali sehari.
(Dos harian maksimum tidak melebihi 20ml)
Jangan melebihi 4 dos dalam 24 jam.
Goncang dengan baik sebelum digunakan.

Bila perlu diambil

Anda patut mengikuti regimen dos yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Coldmax Suspension sehingga simptom anda hilang.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil Coldmax Suspension, ambil secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya terambil berlebihan, sila menghubungi Pusat Racun Negara (1800 888 099) atau doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

Semasa mengambil Coldmax Suspension

Perkara yang perlu dilakukan

Sila merujuk kepada ahli farmasi / doktor jika simptom berlarutan / bertambah teruk.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Coldmax Suspension untuk merawat penyakit lain melainkan doktor atau ahli farmasi anda menasihati anda agar berbuat demikian.

Jangan beri Coldmax Suspension anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Produk ini mungkin menyebabkan rasa mengantuk dan melemahkan prestasi. Jika ini berlaku, jangan memandu atau mengendalikan mesin. Elakkan minuman beralkohol.

Kesan Sampingan

Tanda alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk termasuk kemerahan

kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius.

Jika tindak-balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan rawatan segera.

Kesan sampingan lain yang tidak diingini seperti gangguan hematologi, takikardia, keresauan, keresahan, kesukaran tidur, pengekalan kencing, kabur penglihatan dan mulut kering.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Coldmax Suspension

Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan ampaiian yang berwarna oren dan berperisa oren. Tanpa alkohol.

Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi paracetamol 250mg, Pseudoephedrine Maleate 15mg and Chlorpheniramine Maleate 1mg.

- Bahan-bahan tidak aktif

Methyl Hydroxybenzoate, Propyl Hydroxybenzoate, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Sugar, Tragacanth Powder, Xanthan Gum, Sorbitol Solution 70%, Tutti Fruitti flavour, Orange flavour, Sunset Yellow WS, Purified Water.

- *Nombor MAL:*

MAL08031399AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17 Jun 2020

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)200324/400